



Terbit pada Sabtu
minggu pertama setiap bulan

Berita Sawit

MPOB Menjauhi Perubahan Industri Sawit

BH

Berita Harian

Delegasi EPA lawat MPOB

» *Lihat sendiri
amalan industri
minyak sawit*

Oleh **Dr Halimah Muhamad**
halimah@mpob.gov.my

► **Bangi**

Pada bulan Mac tahun ini, delegasi Malaysia yang diketuai oleh Tan Sri Bernard Dompok telah membuat lawatan ke Amerika Syarikat (AS) bersempena dengan lawatan rasmi Malaysia-Indonesia bersama menteri ke Amerika Syarikat untuk menangani isu-isu yang biasa dihadapi oleh industri minyak sawit di negara ini. Objektif utama misi bersama ini adalah untuk memenuhi permintaan Agensi Perlindungan Alam Sekitar Amerika Syarikat (EPA-AS) bagi menangani masalah keseimbangan dari kedua-dua buah negara berhubung dengan pengumuman EPA-AS mengenai biodiesel berasaskan sawit dan diesel yang boleh diperbaharui di bawah mandat Renewable Fuel Standard (RFS2).

Semasa lawatan ini, saintis dari MPOB juga telah mendapat peluang untuk bertemu dengan kumpulan teknikal EPA bagi mendapatkan maklumat dan

penjelasan mengenai model yang digunakan untuk analisis bagi laluan biodiesel berasaskan sawit. Selain daripada itu, lawatan ini juga bertujuan untuk mendapatkan penjelasan mengenai andaian yang digunakan oleh EPA dalam proses pemodelan bagi laluan biodiesel berasaskan sawit. Baru-baru ini, delegasi EPA telah membuat lawatan ke Malaysia pada 25 dan 26 Oktober 2012 di atas jemputan yang dibuat oleh Tan Sri Bernard Dompok semasa lawatan beliau ke EPA pada bulan Mac yang lalu.

Dapatkan penjelasan

Tujuan utama lawatan EPA ini adalah untuk menjelaskan isu-isu khusus bagi delegasi untuk melihat sendiri amalan sebenar Industri Minyak Sawit Malaysia dan untuk berbincang dengan pihak-pihak berkepentingan dan saintis MPOB tentang isu-isu yang boleh menyebabkan minyak sawit tidak layak dijadikan sebagai biobahan api mentah. Delegasi EPA yang terdiri daripada 9 anggota yang diketuai oleh Cik Gina McCarthy, Penolong Pentadbir dari Pejabat Udara dan Sinaran, EPA dan anggota dari EPA serta wakil dari Kedutaan Amerika Syarikat. Delegasi EPA telah disambut oleh Ketua Pengarah MPOB Datuk Dr Choo Yuen May, wakil-wakil dari agensi kerajaan dan pihak-pihak berkepentingan.



Tan Sri Bernard Dompok menyambut kedatangan **Ketua Delegasi EPA, Gina McCarthy** pada majlis makan tengah hari di Hotel IOI Marriott, Putrajaya sempena lawatan delegasi EPA ke MPOB. Turut serta Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May.

Lawatan dua hari tersebut bermula dengan mesyuarat meja bulat pada 25 Oktober 2012 pada waktu pagi, bersama agensi-agensinya kerajaan dan pada waktu petang, bersama pihak-pihak berkepentingan. Semasa mesyuarat, pembentangan telah dibuat oleh MPOB, MPOC, EPA, Sime Darby Plantation, Felda, RSPO dan Oiltek Bioenergy Sdn. Bhd.

Perbincangan yang dibuat tertumpu kepada keberkesanan dan kematangan teknologi pemerangkapan metana dan keberkesanan hasil pemerangkapan metana. Delegasi itu juga telah dimaklumkan mengenai aktiviti Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Minyak Sawit termasuk

insentif dan semakan bagi peningkatan dalam tarif (feed-in tariff) oleh kerajaan, penanaman semula dengan bahan tanaman berhasil tinggi dan pemantauan yang rapi bagi kemajuan semua projek NKEA untuk memastikan sasaran tercapai.

Lawat kilang sawit

Tan Sri Bernard Dompok juga telah menganjurkan makan tengah hari untuk wakil-wakil perbincangan meja bulat di IOI Marriott, Putrajaya pada hari pertama lawatan tersebut. Pada hari kedua, delegasi EPA telah dibawa melawat ke kilang minyak sawit MPOB/Sime Darby. Mereka yang hadir semasa lawatan ke kilang tersebut adalah Datuk Dr Choo

Yuen May, pegawai-pegawai utama dari MPOB dan wakil dari Ronser dan Universiti Jia Tong. Pada akhir lawatan hari kedua, Cik McCarthy mengucapkan terima kasih kepada Malaysia kerana berpeluang untuk melawat Malaysia bagi mengumpul maklumat mengenai kesan minyak sawit sebagai bahan mentah untuk biobahan api dan biodiesel yang boleh diperbaharui untuk digunakan di Amerika Syarikat. Beliau memberi jaminan bahawa keputusan yang dibuat oleh EPA akan berdasarkan data saintifik dan kredibiliti teknikal dan EPA juga telah memahami keseriusan dalam membuat keputusan mukamad bagi industri minyak sawit Malaysia.

Pekerja asing sektor ladang cecah 306,000 orang

Oleh **Che Johari Mamat**
mjohari@mpob.gov.my

Kota Kinabalu: Sektor perladangan komoditi negara yang terdiri dari sawit, getah, kayu-kayan, koko, lada, kenaf dan sagu merekodkan seramai 306,000 pekerja asing yang bekerja di sektor ini sehingga 31 Julai 2012 lalu, kata Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok.

Jumlah itu adalah 19.4 peratus dari jumlah 1.58 juta pekerja asing yang berdaftar di seluruh negara bagi semua sektor ekonomi akibat dari kurang minat pekerja tempatan untuk menceburi bidang kerjanya dalam sektor ini.

Bagi menangani masalah ini, Kerajaan mengambil inisiatif menggalakkan aktiviti dan kerja ladang dilakukan melalui penggunaan mekanisasi, katanya sewaktu berucap merasmikan Persidangan dan Pameran Industri Perladangan Antarabangsa Ke-3 (IPICEX) 2012, di sini, baru baru ini.

Persidangan dianjurkan Institut Pengurusan Perladangan Antarabangsa (IIPM) dengan kerjasama Fakulti Perladangan dan Agroteknologi Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Tan Sri Bernard Dompok berkata, contohnya, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) membangunkan lebih 30 jentera mekanisasi untuk digunakan da-

lam sektor perladangan.

"Antaranya adalah mesin bermotor penuai buah sawit (CANTAS) yang berupaya meningkatkan produktiviti sebanyak dua kali ganda dari 1.5 tan kepada 2.8 tan buah sawit sehari dan mampu melakukan kerja penuaian seluas 35 hektar sehari berbanding hanya 21 hektar dengan penggunaan sabit," katanya.

Katanya, bagi menggalakkan penggunaan CANTAS, Kerajaan menyediakan diskaun sebanyak RM1,000 bagi setiap unit pembelian mesin itu melalui Skim Diskaun Cantas (SKIDIC).

Selain itu, MPOB turut membangunkan jentera pengangkutan sawit dilengkapi tayar yang boleh digunakan di semua kea-

daan permukaan tanah dikenali sebagai 'Rhyno'.

Jentera ini berkeupayaan mengangkut tandan buah sawit sehingga 700 kilogram pada satu masa dan boleh melakukan kerja mengangkut antara 20 hingga 25 tan tandan buah sawit sehari.

Dalam pada itu katanya, bagi memastikan sektor perladangan mempunyai pekerja mahir yang mencukupi, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) menubuhkan Institute of Malaysia Plantation and Commodities (IMPAC).

"Antara kursus dan latihan dikendalikan IMPAC adalah Kursus Operator Mekanisasi Ladang (KOML).

"Kursus ini menyediakan la-

tihan secara langsung mengenai mekanisasi dan pengurusan ladang sawit dan pelatih yang berjaya dan menamatkan latihan akan dianugerahkan Sijil IMPAC dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)," katanya.

Tan Sri Bernard Dompok juga menyarankan kepada pengusaha sektor perladangan komoditi supaya mengaplikasikan teknologi dan inovasi baru bagi memastikan penghasilan dan produktiviti komoditi ditingkatkan.

Katanya, jika kesemua inisiatif ini dapat dilaksanakan, nescaya sasaran bagi mencapai pendapatan eksport berjumlah RM242.6 bilion menjelang tahun 2020 akan dapat direalisasikan.

Pada tahun 2012, Kesatuan Eropah (EU) terus kekal sebagai pasaran paling mencabar bagi minyak sawit. Negara EU terus bergelut dengan krisis kewangan Zon Euro yang menyekat pertumbuhan ekonomi kebanyakan negara ahli. Bagi minyak sawit pula, cabaran dihadapi di EU termasuk berkaitan pelabelan, asid lemak tepu dan perundangan biobahan api.

Dari aspek pelabelan, minyak sawit menghadapi cabaran paling serius di Perancis di mana terdapat beberapa pembuat makanan dan pasar raya tertentu yang melabel "Tiada Minyak Sawit" pada bungkus makanan. Untuk mengatasi masalah ini, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok mengetuai delegasi terdiri daripada pegawai Kementerian, MPOB dan MPOC ke Paris pada September 2012.

Delegasi berkenaan mengadakan perjumpaan dengan pelbagai pihak di Paris, termasuk Menteri Pertanian, Agri-Makanan dan Perhutanan negara berkenaan, pihak industri dan media massa. Lanjutan lawatan kerja itu, MPOB menganjurkan Persidangan Minyak Sawit pada 23 Oktober 2012, bersempena Pameran Pasaran Makanan Global, SIAL (Salon International de l'alimentation).

Persidangan ini memberi tumpuan kepada dua isu utama dihadapi minyak sawit di Perancis, iaitu kemampuhan dan pemakanan. Namun demikian, pihak tertentu negara berkenaan masih bertekad terus memburuk-burukkan minyak sawit. Malah baru-baru ini seorang Senator Perancis mengesyorkan supaya cukai tempatan dikenakan ke atas minyak sawit dan minyak isirung sawit dinaikkan sebanyak 300 peratus. Bagaimanapun, cadangan itu tidak terlaksana.

Kandungan asid lemak tepu terus membebankan minyak sawit kerana pihak tertentu Perancis mendakwa minyak sawit memudaratkan kesihatan. Kandungan asid lemak tepu minyak sawit sering dikaitkan dengan risiko penyakit jantung, sungguhpun penyelidikan pemakanan MPOB selama lebih 20 tahun membuktikan sebaliknya.

Pihak-pihak ini mengabaikan bahawa sebahagian besar sumbangan lemak tepu dalam makanan di negara Eropah seperti Perancis adalah daripada bahan makanan tenusu seperti mentega dan keju. Pelobi anti minyak sawit yang lantang mendakwa kononnya industri minyak sawit punca pemusnahan hutan tropika, tidak pula mengakui bahawa kawasan hutan Malaysia sebanyak kira-kira 57 peratus adalah hampir dua kali ganda peratusan hutan negara Perancis yang hanya sekitar 30 peratus saja.

Dalam penggunaan bukan makanan pula, perundangan biobahan api EU masih menghadkan potensi penggunaan minyak sawit. Cadangan yang dikemukakan Suruhanjaya Eropah kepada Majlis Eropah dan Parlimen Eropah pada pertengahan bulan Oktober mengesyorkan had 5 peratus bahan suap biobahan api dari hasil tanaman makanan.

Oleh yang demikian, penghasilan biobahan api daripada minyak sayuran, bijirin dan sebagainya akan dihadkan kepada 5 peratus saja. Memandangkan pada masa ini kadar penggunaan bahan suap berasaskan makanan dicapai, malah melebihi paras 5 peratus di beberapa negara EU, potensi perkembangan penggunaan minyak sawit dalam sektor ini kurang menggalakkan.

Walaupun minyak sawit menghadapi pelbagai cabaran di rantau EU, penerimaan minyak sawit di kalangan pengguna industri masih baik. Pihak industri makanan dan biobahan api di EU masih yakin dengan kelebihan minyak sawit. Malah sewaktu isu peningkatan cukai minyak sawit dibahaskan di Senat Perancis, pihak industri makanan Perancis khususnya dan industri makanan EU umumnya menekankan bahawa minyak sawit amat diperlukan bagi sektor makanan EU. Usaha industri makanan EU mengurangkan kandungan asid lemak trans ke paras 1 hingga 2 peratus sudah tentu tidak akan berjaya sekiranya minyak sawit dan produk sawit tidak digunakan. Industri makanan EU memang memahami minyak sawit dan kelebihannya. Masalah dan cabaran kini ialah bagi meningkatkan imej minyak sawit di kalangan pengguna dan usaha perlu ditingkatkan ke arah ini. — choo@mpob.gov.my



MINDA
Datuk Dr Choo
Yuen May

Ketua Pengarah
MPOB

Pekebun kecil sawit tubuh persatuan

» *Mudahkan pelaksanaan aktiviti kebajikan*

Oleh **Khairuman Hashim**
khairuma@mpob.gov.my

✦ **Kota Marudu**

Pekebun kecil sawit disaran menubuhkan persatuan bagi memudahkan mereka bergerak dan menjalankan aktiviti untuk kebaikan dan kebajikan bersama sebagai pengeluar buah sawit.

Melalui persatuan, pekebun kecil berupaya bergerak dan bertindak sebagai satu pasukan kuat terutama bagi aktiviti yang menjurus kepada peningkatan produktiviti yang boleh menjana pendapatan keluarga.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok, berkata demikian sewaktu berucap melancarkan Penubuhan Persatuan Pekebun Kecil Sawit Bumi-putera Kota Marudu sempena perasmian Majlis Pemimpin Bersama Pekebun Kecil Sawit Daerah Kota Marudu, Sabah, di sini baru-baru ini.

Tan Sri Bernard Dompok berkata, industri sawit memainkan peranan utama sebagai jentera pemacu pembangunan dan penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

"Tahun 2011, kawasan tanaman sawit negara mencecah 5 juta hektar



Tan Sri Bernard Dompok **menandatangani plak sempena pelancaran Persatuan Pekebun Kecil Sawit Bumi-putera Daerah Kota Marudu, Sabah.** Turut serta, ADUN Matunggong, Sarapin Magana (dua dari kanan); Timbalan Ketua Setiausaha MPIC, Mohd Sanuri Shahid (kanan); Ahli Lembaga MPOB, Tan Yong Ghee (dua dari kiri) dan Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan) MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din (kiri).

atau meliputi 73.2 peratus kawasan tanah pertanian negara.

Tanaman sawit paling luas

"Sabah adalah negeri yang mempunyai kawasan tanaman sawit paling luas dalam negara iaitu 1.4 juta hektar dengan lebih 200 buah kilang memproses buah sawit," katanya.

Beliau berkata, Kerajaan sentiasa memberi perhatian kepada kemajuan sektor pekebun kecil bagi meningkatkan produktiviti dan pengeluaran hasil buah sawit yang berkualiti melalui amalan mampan bagi menjana pendapatan isi rumah.

"Pekebun kecil perlu menjalin kerjasama dan hubungan dengan Pegawai Lembaga Minyak Sawit Ma-

laysia (MPOB) bagi mendapat pendedahan dan tunjuk ajar mengenai teknologi terkini, amalan pertanian baik dan bantuan yang diperlukan.

"Bagi meningkatkan pemindahan teknologi dan inovasi baru kepada pekebun kecil, MPOB menyediakan khidmat Pegawai TUNAS yang berperanan memberi tunjuk ajar dan penerangan mengenai penanaman sawit.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri Matunggong, Sarapin Magana; Timbalan Ketua Setiausaha MPIC, Mohd Sanuri Shahid; Ahli Lembaga MPOB, Tan Yong Ghee dan Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan) MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din.

Jawatankuasa bantu minyak sawit ke Perancis

Oleh **Che Johari Mamat**
mjohari@mpob.gov.my

✦ **Kota Kinabalu**

Bagi membantu produk minyak sawit negara dipasarkan ke Perancis, satu jawatankuasa berkaitan industri minyak sawit akan ditubuhkan.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok, berkata menerusi perbincangannya dengan Menteri Pertanian Perancis, Stephane Le Foll sebelum ini, kedua-dua pihak bersetuju menubuhkan jawatankuasa berkenaan.

Namun buat masa sekarang, beliau masih menunggu jawapan daripada Menteri berkenaan untuk proses dan tindakan selanjutnya.

"Saya juga meminta Ketua Setiausaha Kementerian (KSU) meneruskan perbincangan dengan rakan sejawatnya di Perancis.

"Kementerian mahu agar usaha ini diambil tindakan lanjut bersama Kementerian Pertanian Perancis untuk merealisasikan penubuhan jawatankuasa itu," katanya selepas merasmikan Persidangan dan Pameran Industri Perladangan Antara-

bangsa (IPiCEx) 2012, di sini, baru baru ini.

Beliau berkata demikian mengulas kenyataan Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC), Tan Sri Dr Yusof Basiron yang dipetik sebagai berkata tiada gunanya mengeluarkan lebih banyak minyak sawit yang diperakui Meja Bulat Minyak Sawit (RSPO) sekiranya ia tidak dapat memasuki pasaran Perancis.

Tan Sri Dr Yusof dikatakan tidak berpuas hati terhadap kegagalan RSPO untuk membantu peladang dan pekebun yang menghasilkan 4.78 juta tan minyak sawit yang diperakui oleh RSPO itu dalam pasaran.

"RSPO sepatutnya lebih proaktif dan positif dalam mempertahankan kedudukan industri minyak sawit."

"Lebih-lebih lagi apabila ada pihak mempersoalkan keupayaan industri berkenaan kerana ia menunjukkan seolah-olah mereka tidak yakin dengan kerja yang mereka laksanakan," jelas Tan Sri Dr Yusof.

Tambah Tan Sri Dr Yusof, pihak berkenaan berperakui industri minyak sawit yang mampan, namun dalam masa yang sama mereka tidak menyokong produk terbabit.

Sehubungan itu, Tan Sri Bernard Dompok bersetuju badan persijilan

seperti RSPO perlu mempertahankan kan minyak sawit dan produk berasaskannya yang mereka sendiri perakui.

Terdahulu dalam ucapannya, Tan Sri Bernard Dompok optimis terhadap usaha Kerajaan bersama agensi terbabit menghasilkan pelbagai inovasi alat jentera dalam sektor perladangan bagi melaksanakan kerja seperti penuaian, merumpai, membaja dan mengangkut buah sawit.

Beliau berkata, kurangnya minat pekerja tempatan dalam bidang kerja dan aktiviti ladang menyebabkan negara terpaksa mengambil jumlah pekerja asing yang ramai untuk sektor perladangan.

"Justeru, usaha meningkatkan penggunaan alat jentera itu bukan saja berupaya meningkatkan produktiviti sekali gus mengurangkan kebergantungan pekerja asing," katanya.

Menurutnya, menerusi penyelarasan perancangan dan program dengan baik serta komitmen tinggi daripada pengurusan syarikat berkaitan akan membawa kejayaan kepada sektor perladangan.

Turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Datin Paduka Nurmalia Abdul Rahim.

Pelabur Malaysia diseru rebut peluang di Myanmar

» lawatan tingkat kerjasama perdagangan dua negara

Oleh Johari Minal
johari@mpob.gov.my

Yangon

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok mengetuai Misi Ekonomi dan Teknikal ke Myanmar untuk meningkatkan kerjasama ekonomi dan perdagangan di antara Malaysia dan Myanmar terutama dalam sektor industri sawit, getah dan kayu-kayan.

Objektif utama lawatan adalah untuk meningkatkan jalinan hubungan perdagangan di antara dua negara yang terjalin sejak sekian lama.

Pada kunjungan hormat dan perbincangan dengan Presiden Myanmar, U Thein Sein, beliau mempelawa pelabur Malaysia melabur di Myanmar dalam sektor komoditi terutama di sektor hiliran.

Tan Sri Bernard Dompok berkata, Kerajaan dan pelabur Malaysia bersedia membantu



Tan Sri Bernard Dompok bersalam dengan **U Thein Sein** semasa kunjungan hormatnya ke Istana Presiden Myanmar itu.

Myanmar membangunkan sektor huluhan komoditi yang bersesuaian.

Beliau berkata, Malaysia mempunyai pengalaman luas dalam membangunkan sektor komoditi dan syarikat utama dari sektor swasta Malaysia memang berminat untuk menjalin hubungan kerjasama dengan pihak swasta Myanmar.

Industri huluhan

“Malaysia bukan saja menggalakkan pelaburan asing memasuki Malaysia tetapi juga menggalakkan pedagang dan pelabur Malaysia melabur di luar negara terutama di dalam industri huluhan.

“Malaysia sudah tidak mempunyai tanah pertanian yang luas untuk mengembangkan industri komoditi huluhan seperti sawit, getah dan kayu-kayan.

“Negara penerima pelaburan seperti Myanmar akan mendapat faedah banyak seperti mewujudkan peluang pekerjaan, menerima pemindahan teknologi, kemasukan modal asing dan perkembangan sektor sokongan,” katanya.

Myanmar utama Malaysia

Tan Sri Bernard juga dimaklumkan Singapura, Jepun, Korea dan China turut berminat dengan penanaman sawit di Myanmar tetapi pemerintah

Myanmar mengutamakan pelabur dari Malaysia.

Kawasan penanaman sawit berkeluasan 200,000 ekar terletak di dalam lingkungan 10 hingga 15 darjah ke utara garisan Khatulistiwa di bahagian selatan negara itu yang mempunyai tanah landai, namun kadar produktiviti rendah berbanding Malaysia.

Misi lawatan itu juga disertai Delima Oil Products, pengeksport utama minyak sawit ke Myanmar. Delima Oil Products menguasai 50 peratus pasaran minyak makan di Yangon, iaitu pusat perdagangan utama di Myanmar.

Minyak Sawit Delima Oil Products jenama Saji adalah amat popular di Yangon dan dikategorikan sebagai minyak premium berbanding minyak sawit jenama lain.

Pada 2011, Myanmar mengimport sebanyak 244,000 tan minyak sawit Malaysia. Myanmar juga adalah pengimport utama minyak masak Malaysia dari kalangan negara ASEAN.

Tan Sri Bernard Dompok menggesa pedagang dan pelabur Malaysia mengambil peluang melabur atau menjalin kerjasama dengan syarikat di Myanmar membangunkan sektor komoditi berpotensi tinggi.

Turut serta dalam misi lawatan itu, Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan) MPOB, Ahmad Sidek Stroo.

Nurmala rasmi sidang CIOC di Guangzhou

Oleh Dr Ooi Cheng Keat
dan Yoong Jun Hao
ooi@mpob.gov.my &
jhyoong@mpob.gov.my

Guangzhou: Ketua Setiausaha, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Datin Paduka Nurmala Abdul Rahim, merasmikan ‘China International Oils and Oilseeds Conference (CIOC)’ anjuran Bursa Malaysia Derivatives dan Dalian Commodity Exchange, di sini, baru-baru ini.

Persidangan pada 7 dan 8 November 2012 itu turut dihadiri Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May.

Datin Paduka Nurmala ketika berucap merasmikan persidangan itu berkata, China adalah rakan dagang Malaysia yang terbesar dengan nilai perdagangan mencecah USD54.53 bilion pada tahun 2011.

“Nilai perdagangan dua hala Malaysia-China meningkat sebanyak 19.8 peratus pada tahun 2011 berbanding USD45.49 bilion dalam tahun 2010.

“China juga adalah destinasi eksport produk minyak sawit Malaysia yang terbesar dengan merekodkan sebanyak 19.8 peratus daripada USD26.9 bilion eksport produk minyak sawit Malaysia bagi tahun 2011.

“Minyak sawit yang diimport dari Malaysia bukan saja digunakan untuk tujuan makanan malah turut diperluaskan bagi kegunaan bukan makanan dan industri terutama menghasilkan produk hiliran bernilai tambah seperti produk oleokimia, farmasetikal, pencuci dan barangan kosmetik,” katanya.



Datin Paduka Nurmala Abdul Rahim

Pejabat MPOB Kota Marudu dirasmi

Oleh Amran Ariffin
amranariffin@mpob.gov.my

Kota Marudu: Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok, merasmikan pembukaan Pejabat MPOB Cawangan Kota Marudu, Sabah bagi memudahkan penyaluran khidmat nasihat kepada pekebun kecil sawit kawasan sekitarnya.

Pejabat Kota Marudu adalah pejabat cawangan MPOB yang ketujuh ditubuhkan di Negeri Sabah selepas pejabat cawangan di Kota Kinabalu, Lahad Datu, Sandakan, Tawau, Keningau dan Telupid.

Tan Sri Bernard Dompok berkata, melalui pembukaan Pejabat Cawangan Kota Marudu, pekebun kecil sawit berdekatan terutama dari Kudat, Pitas, Satinangoh dan Kota Belud tidak perlu berkunjung ke

Kota Kinabalu untuk berurusan berkaitan tanaman sawit.

“Pekebun kecil di kawasan ini akan dapat memanfaatkan khidmat nasihat berkaitan penanaman sawit oleh pegawai TUNAS yang ditempatkan di pejabat ini,” katanya.

Beliau berkata demikian sewaktu berucap merasmikan pembukaan pejabat berkenaan sempena Majlis Pemimpin Bersama Pekebun Kecil Sawit Daerah Kota Marudu, di sini, baru-baru ini. Seramai 600 pekebun kecil sawit hadir pada majlis itu.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri Matunggong, Sarapin Magana; Timbalan Ketua Setiausaha MPIC, Mohd Sanuri Shahid; Ahli Lembaga MPOB, Tan Yong Ghee dan Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan) MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din.



Tan Sri Bernard Dompok memotong riben merasmikan Pejabat MPOB Cawangan Kota Marudu, baru-baru ini. Turut kelihatan ADUN Matunggong, Sarapin Magana (kanan); Mohd Sanuri Shahid; Tan Yong Ghee (kiri) dan Dr Ahmad Kushairi Din (dua kanan).

Dasar mesra industri

Datin Paduka Nurmala berkata, dasar yang mesra industri serta usaha berterusan Malaysia dalam menjayakan transformasi ekonomi negara dengan melaksanakan Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Minyak Sawit akan meningkatkan lagi daya saing komoditi minyak sawit negara di pasaran global.

“Melalui pelaksanaan lapan (8) Projek Permulaan (EPP) di bawah NKEA Minyak Sawit, negara dianggar menjana pendapatan sejumlah RM178 bilion menjelang tahun 2020,” katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May membentangkan kertas kerja bertajuk “Global Palm Oil Production and Outlook 2012/2013” pada persidangan itu.

Datuk Dr Choo berkata, pengeluaran minyak sawit sedunia dijangka akan terus meningkat dan prospek penggunaan minyak sawit masa hadapan terutamanya di negara China adalah amat menggalakkan.

Beliau turut mengambil kesempatan membentangkan ciri fizikal, teknikal dan khasiat serta kelebihan minyak sawit kepada pengguna dan membentangkan prestasi industri minyak sawit 2011/2012.



Delegasi MPOB bersama saintis dari CSIRO (dari kiri) Dr Grant Brinkworth, Dr Voon Phooi Tee, Dr Fu Ju Yen, Dr Kalanithi Nesaretnam, Prof Manny Noakes, Dr Atul Kacker, Tan Sri Shahrir Abdul Samad, Peter Royle dan Dr Mahinda Abeywardena.

Shahrir lawat projek usaha sama penyelidikan

» Pengerusi MPOB bentang kertas kerja usaha pemuliharaan alam sekitar

Oleh Dr Fu Ju Yen
fujuyen@mpob.gov.my

► Melbourne

Pengerusi MPOB, Tan Sri Shahrir Samad, mengetuai rombongan MPOB melawat projek MPOB yang dijalankan secara kerjasama dengan Organisasi Penyelidikan Sainifik dan Perindustrian Komanwel (CSI-

RO), RMIT dan Pusat Barah Peter MacCallum, di sini, baru-baru ini.

CSIRO adalah agensi sains kebangsaan Australia dan antara agensi penyelidikan terbesar di dunia. Di sini, Tan Sri Shahrir membentangkan kertas kerja berkaitan usaha pemuliharaan alam sekitar dan hidupan liar yang dijalankan industri sawit Malaysia.

Beliau berkata, projek pem-

bentukan koridor hutan di daerah Kinabatangan, Sabah; pelaksanaan dasar pembunuhan sifar hidupan liar dan pensijilan Roundtable of Sustainable Palm Oil (RSPO) adalah antara langkah dilaksanakan untuk tujuan menangani isu berkenaan.

Sewaktu di CSIRO, beliau diberi taklimat status projek percubaan rawak terkawal untuk membandingkan kesan jangka panjang tokotrienol sawit dan karoten da-

ripada minyak sawit ke atas fungsi vaskular dan risiko penyakit kardiovaskular pada individu berisiko menghadapi penyakit itu. Projek diketuai Dr Mahinda Abeywardena.

Lawatan ke Pusat Barah

Beliau juga dimaklumkan mengenai projek yang diketuai Prof Manny Noakes yang mengkaji kesan akut ke atas fungsi vaskular dari penggunaan protein minyak sawit olein berbanding dengan minyak zaitun.

Lawatan turut diadakan ke Pusat Barah Peter MacCallum yang juga satu-satunya hospital awam di Australia khusus untuk penyakit barah. Kerjasama antara MPOB dan Pusat Barah ini bermula sejak Februari 2012.

Projek ini dikenali 'Reka bentuk dan Sintesis Tokotrienol yang dilabel secara radio untuk Pengajian Biologi menggunakan Teknik Perubatan Nuklear' diketuai Dr Peter Eu yang juga ahli farmasi radio di Pusat Pengimejan Barah.

Kejayaan minyak sawit olein merah

Sewaktu lawatan ke RMIT, Tan Sri Shahrir diberi taklimat oleh saintis, Oliver Buddrick mengenai kejayaan menggunakan minyak sawit olein merah ini di dalam adunan roti penuh bijiran.

Tan Sri Shahrir sewaktu perbincangan di sini mengesyorkan satu persidangan saintifik yang menghimpunkan saintis yang terbabit di dalam penyelidikan tokotrienol diadakan pada tahun hadapan.

"Persidangan seumpama ini akan menjadi platform utama penyelidikan untuk berkongsi penemuan baru hasil kajian mereka ke atas tokotrienol di seluruh dunia," katanya.

MPOB anjur persidangan di Perancis

Oleh Nik Aznizan Nik Ibrahim
aznizan@mpob.gov.my

Paris: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menganjurkan Persidangan Minyak Sawit pada 23 Oktober 2012, di sini, baru-baru ini. Persidangan itu diadakan bersempena Pameran Pasaran Makanan Global, SIAL 2012 (Salon International de l'alimentation) yang juga pameran makanan terbesar dunia diadakan pada 21 hingga 25 Oktober 2012.

Persidangan setengah hari itu dihadiri 56 peserta memberi peluang kepada MPOB memberi penjelasan mengenai usaha dijalankan Malaysia bagi mewujudkan industri peladangan sawit mampan.

Pada persidangan itu, kemajuan terkini hasil kajian mengenai aspek pemakanan minyak sawit dikongsi dengan peserta yang sebahagian besarnya adalah pengunjung SIAL 2012. MPOB secara

langsung berpeluang mendekati kumpulan sasaran sektor makanan dan runcit Perancis pada persidangan ini.

SIAL 2012 disertai 5,900 pengeluaran makanan daripada lebih 100 negara seluruh dunia. Seramai 140,000 pengunjung daripada 200 negara mengunjungi pameran ini.

Persidangan diadakan bertepatan dengan kempen pelabelan "Tidak Mengandungi Minyak Sawit" (Sans Huile De Palme) yang dilancarkan secara besar-besaran di Perancis.

Isu kontroversi

Minyak sawit dikaitkan dengan isu kontroversi termasuk penebangan hutan tropika, kemusnahan biodiversiti dan perubahan iklim dunia yang memaksa produk mengandungi minyak sawit dilabel agar pengguna dimaklumkan isi kandungan sesuatu produk dan tidak membelinya jika minyak sawit adalah salah satu daripadanya.

Kempen anti minyak sawit dimulakan oleh pengeluar makanan seperti Findus dan Jacquet serta pasaraya Groupe Casino telah disebarkan secara meluas melalui media cetak dan media elektronik.

Pada persidangan itu, lima kertas kerja dibentangkan termasuk oleh Pengerusi MPOB, Tan Sri Shahrir Abdul Samad dengan tajuk 'Minyak Sawit: Penebangan Hutan? Kemusnahan Biodiversiti? Perubahan Iklim.'

Beliau berkata, pelabelan yang dilakukan itu bersifat oportunis bertujuan membezakan sesuatu produk dan ia tidak berasas pada fakta sah. Pelabelan ini menyebabkan pengeluar minyak sawit yang memenuhi segala kriteria mampan terpaksa membayar kos yang tinggi bagi menangani isu ini.

"Perancis seharusnya mengikuti jejak Kesatuan Eropah yang melabel semua minyak sayuran dan tidak hanya minyak



Tan Sri Shahrir (tiga dari kanan) bersama-sama dengan pembentang di Persidangan Minyak Sawit: Kemampanan dan Pemakanan. Turut serta, Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan); Dr Ahmad Kushairi Din (kiri); Pengarah Pembangunan Produk dan Khidmat Nasihat, Dr Kalanithi Nesaretnam (dua dari kanan) dan Pengurus Serantau Eropah, Dr Nagendran Balasundram (kanan).

sawit," katanya.

Tan Sri Shahrir turut mempekerusikan sesi pertama persidangan. Pada sesi pertama, Giovanni Colombo, wakil Sekretariat RSPO membentangkan kertas kerja bertajuk "RSPO: Perniagaan Luar Biasa Bagi Komoditi"

Sesi kedua dipengerusikan Timbalan Ketua Pengarah (Penye-

lidikan & Pembangunan) MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din. Tiga kertas pembentangan disampaikan adalah oleh Yves C Augrandjean dan Dr Luisa Gambelli (IOI Loders Croklaan Eropah) dan Dr Kalanithi Nesaretnam (MPOB) yang kandungannya tertumpu kepada aspek kesihatan dan pemakanan berasaskan minyak sawit.

Pengerusi MPOB temui ahli Parlimen Perancis

» MPOB perjas usaha pembangunan mampan industri sawit

Oleh Nik Aznizan Nik Ibrahim
aznizan@mpob.gov.my

Paris: Pengerusi MPOB, Tan Sri Shahrir Abdul Samad, mengambil kesempatan bertemu ahli Parlimen dan penasihat Perhimpunan Kebangsaan Perancis sewaktu lawatan kerja beliau sempena Persidangan Minyak Sawit anjuran MPOB, di sini, baru baru ini.

Sewaktu di Perancis, beliau merasmikan dan menyampaikan ucpatama di Persidangan itu yang turut dihadiri delegasi MPOB diketuai Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan & Penyelidikan), Dr Ahmad Kushairi Din; Pengarah Pembangunan Produk dan Khidmat Nasihat, Dr Kalanithi Nesaretnam dan Pengu-

rus Serantau Eropah, Dr Nagen-dran Balasundram.

Pertemuan pertama diadakan dengan ahli Perhimpunan Kebangsaan Sosialis kawasan Loire-Atlantique, Sophie Errante yang juga ahli Jawatankuasa Pembangunan Mampan di bawah Perhimpunan Kebangsaan Perancis. Turut serta dalam pertemuan itu penasihat isu berkaitan kemampuan kabinet, Hélène Peskine dan penasihat isu berkaitan pembangunan mampan kumpulan sosialis, Marguerite Culot.

Pertemuan itu adalah usaha berterusan MPOB memberi penerangan kepada penggubal undang-undang Perancis berkaitan usaha pembangunan mampan industri sawit Malaysia.

Tan Sri Shahrir berkata, lebih 48 peratus kawasan yang ditanam dengan sawit kini adalah kawasan yang dahulunya ditanam dengan getah, koko, lada dan 40 peratus daripadanya adalah milik pekebun kecil.

“Anda boleh bayangkan betapa pentingnya sumbangan sektor sawit kepada pembangunan sosio-ekonomi luar bandar dan pen-

dapatan eksportnya kepada Malaysia,” katanya.

Beliau turut menjelaskan industri sawit di Malaysia dikawal selia dengan ketat oleh beberapa undang-undang untuk memastikan pembangunan yang teratur dan mampan.

“Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak, membuat komitmen di Copenhagen bahawa Malaysia akan memastikan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada kawasannya diliputi hutan dan kini, 57 peratus keluasan Malaysia masih diliputi dengan hutan.

“Kami juga bimbang dengan kemusnahan alam sekitar dan kepupusan biodiversiti seperti mana masyarakat di dunia barat.

“Malaysia akan terus meningkatkan pengeluaran minyak sawit yang diperakui kemampuannya melalui skim RSPO dan pada masa sama melaksanakan program Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) untuk tujuan peningkatan produktiviti dan penambahan pendapatan,” katanya.

Tan Sri Shahrir berkata, Kod Amalan MPOB yang merangkumi



Delegasi MPOB diketuai oleh Tan Sri Shahrir Abdul Samad bersama Thierry Mariani (tiga dari kanan) di Bangunan Parlimen Perancis.

semua rantaian nilai turut diwujudkan bagi memastikan minyak sawit dihasilkan secara mampan dan selamat untuk dimakan disamping memberi manfaat kesihatan terutama khasiat fitonutrien seperti tokotrienol.

Kebimbangan pelaksanaan pelabelan ‘Tiada Minyak Sawit’ oleh Perancis turut dibangkitkan dan ia adalah satu diskriminasi ke atas minyak sawit.

“Kami berpendapat adalah tidak adil untuk mengaitkan minyak sawit dengan kemusnahan alam sekitar. Pelabelan ini tidak langsung menghargai usaha kemampuan yang dijalankan oleh industri sawit Malaysia,” katanya.

Pertemuan kedua diadakan dengan ahli Perhimpunan Kebangsaan dan mewakili Parti

Konservatif Perancis (UMP), Thierry Mariani.

Beliau menjelaskan kepentingan kawasan yang diwakili beliau berkait rapat dengan kepentingan dan kesejahteraan Malaysia.

Katanya, minyak sawit bukanlah isu utama yang dibincangkan oleh ahli-ahli Parlimen di Perancis dan tiada perbincangan isu minyak sawit diadakan di Perhimpunan Kebangsaan. Ini hanya digembar-gemburkan pihak media.

Di akhir pertemuan, Tan Sri Shahrir menyerahkan beberapa penerbitan termasuk cakera padat yang mengandungi Pelan Tindakan Hidupan Liar Sabah. Beliau juga menjemput mereka untuk melawat Malaysia dan melihat sendiri pembangunan industri sawit.

MPOB akan tangani tuduhan liar

Oleh Che Johari Mamat
mjohari@mpob.gov.my

► Bangi

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) akan memastikan segala tuduhan liar daripada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) terutama dari Eropah tidak akan menjejaskan kemajuan industri sawit Malaysia kata Pengerusi MPOB, Tan Sri Shahrir Abdul Samad.

NGO dari Australia dan Perancis kini menuduh industri sawit menyebabkan kemusnahan

alam sekitar dan kepupusan hidupan liar terutama orang utan.

“Jadi NGO di Australia dan Perancis melancarkan kempen anti minyak sawit dengan melabelkan produk makanan dengan ‘tiada kandungan minyak sawit’ dan nutrien minyak sawit membahayakan kesihatan,” kata Tan Sri Shahrir sewaktu berucap pada Majlis Perjumpaan Pengurusan dengan Kakitangan MPOB, di sini, baru-baru ini.

Beliau berkata, di Australia, kempen anti minyak sawit itu juga sudah dilakukan di peringkat zoo di mana pengurusan zoo diarah terbahagi dengan aktiviti

pemulihan orang utan.

Aktiviti ini katanya, akan memberi kesan dan boleh meringankan benci pelawat zoo terhadap minyak sawit dan produk lain yang mengandungi minyak sawit.

“Bagi menangani isu ini, saya mengetuai rombongan ke Australia dan membuat perbincangan dengan Ahli Parlimen berkaitan. Mereka bersetuju bekerjasama di dalam usaha pemuliharaan hidupan liar di Malaysia dan juga menunjuk minat untuk menyalurkan dana untuk tujuan berkenaan.

“Kita juga menjemput Ahli

Parlimen itu datang sendiri ke Malaysia dan membawa mereka melawat ladang dan melihat sendiri pengurusan penanaman sawit secara mampan dan usaha pemuliharaan alam sekitar dan orang utan yang dilaksanakan Malaysia,” katanya.

Apa pun katanya, sektor perladangan sawit negara mengamalkan amalan mampan dan pertanian baik dalam aktiviti penanaman dan penghasilan minyak sawit.

“Amalan mampan yang dilaksanakan sektor perladangan negara kita bukanlah dari desakan NGO luar negara, tetapi atas kesedaran sektor perladangan sebagai penjana pendapatan yang meningkatkan taraf sosio-ekonomi rakyat yang akan diwarisi turun temurun,” katanya.

Kempen anti minyak sawit juga turut berlaku di Perancis dengan melabelkan ‘tiada kandungan minyak sawit’ pada semua produk makanan.

“Malah ada cadangan daripada Ahli Parlimen Perancis mencadangkan cukai eksport minyak sawit ke negara itu dinaikkan hingga 300 peratus bagi menyekat kemasukan minyak sawit ke negara itu. Walau bagaimanapun cadangan itu tidak terlaksana,” katanya.



Tan Sri Shahrir Abdul Samad

Selepas perbincangan peringkat Menteri, pada dasarnya Kerajaan Perancis bersetuju menubuhkan jawatankuasa kerja bersama dengan Malaysia bagi menangani isu berkaitan minyak sawit.

Tan Sri Shahrir berkata, cabaran ini akan ditangani dengan sebaik mungkin bagi memastikan pasaran minyak sawit tidak terjejas.

“Sebagai agensi penyelidikan terkemuka, beliau menggesa MPOB perlu bersedia dengan fakta kajian yang lengkap bagi menangani setiap isu dan cabaran yang ditimbulkan setiap masa.

“Kita perlu pastikan 90 peratus minyak sawit daripada 18 juta tan yang dihasilkan Malaysia dieksport keluar negara dan menjadi penjana utama kepada pendapatan negara kita pada setiap tahun,” katanya.

Tahun 2011, minyak sawit menyumbang sebanyak RM83.4 billion kepada pendapatan eksport negara.

FIRST ANNOUNCEMENT

Palm Oil Economic Review and Outlook Seminar 2013

Palm Oil: Navigating Through Global Uncertainties

14 January 2013 • Double Tree by Hilton, KL

ENQUIRIES
Please contact:
Ruba'ah Maari - 03-8769 4567 rubaah@mpob.gov.my
Solehah Abd Rab - 03-8769 4867 solehah@mpob.gov.my

Kesan serangan ulat bungkus menerusi penderiaan jauh



Ulat bungkus memakan daun sawit.

ripada resolusi spektral iaitu jalur gelombang biru (400-500 nm), hijau (500-600 nm), merah (600-700 nm) dan infra merah dekat (700-1100 nm).

Alat pengukuran spektrometer adalah alat pengukuran di lapangan yang menjalankan kaedah penderiaan jauh. Ia mempunyai spektrum resolusi tinggi dan boleh digunakan untuk menjalankan kalibrasi dan menentukan imej-imej satelit yang digunakan untuk permodelan ramalan.

Proses serakan dan serapan yang berlaku di dalam struktur dalam daun dan pengaruh unsur-unsur biokimia seperti pigmen, air, nitrogen, selulosa, lignin kandungan klorofil, struktur susunan dan kandungan air dalam sel menentukan ciri-ciri pemalihan spektral sesuatu daun.

Kajian oleh Gaussman, 1977 menyatakan peranan pigmen dalam mempengaruhi respons spektrum pada jalur sinar tampak. Malah, keupayaan dan produktiviti proses fotosintesis turut bergantung kepada kandungan pigmen klorofil. Manakala struktur sel dan kandungan air mempengaruhi bacaan spektrum pada sinar inframerah dekat dan pertengahan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.

Kajian dijalankan di Stesen Penyelidikan MPOB Teluk Intan (Rajah 2) yang berada di lokasi geografi (atas kiri: 101° 4' 36.74" E, 3° 50' 3.15" N dan bawah kanan: 101° 6' 48.04" E, 3° 48' 12.49" N). Pensampelan dijalankan ke atas tanaman sawit muda dan matang dengan menandakan lokasi sampel menggunakan alat Sistem Penentuan kedudukan Global Berbeza (DGPS) Trimble Juno SB. Alat berkenaan berupaya memberikan ketepatan lokasi sehingga 2-5 meter selepas diproses.


Kawasan berkenaan mengalami serangan ulat bungkus dan daripada lawatan tersebut sebanyak 97 lokasi pensampelan berjaya dikumpulkan. Kesemua lokasi koordinat dan maklumat sampel telah dipindahkan ke dalam pangkalan data Sistem Maklumat Geografi (GIS) bagi kerja pemetaan dan analisis yang seterusnya.

Nilai Kerosakan Daun

Oleh kerana proses mengganggu peratusan kerosakan daun sawit akibat serangan ulat bungkus bagi setiap lokasi sampel adalah sukar, satu penilaian kerosakan daun ditetapkan berdasarkan kepada kriteria kerosakan daun berkenaan. Ia dilakukan berdasarkan kepada penilaian terperinci ke atas kerosakan daun seperti dicadangkan Pickel et al. (2006). Di dalam kajian ini, penilaian yang dibuat bermula dari kelas 0 (tiada kerosakan) kepada 3 (kerosakan serius). Kriteria yang digunakan untuk nilai kerosakan seperti di sebelah;


Pengukuran Pemalihan Spektral Daun

Alat pengukuran spektrometer GER 1500 (Rajah 3) yang mempunyai 512 jalur spektrum dan mempunyai selang pensampelan pada setiap 1.5 nm digunakan bagi mendapatkan ciri-ciri



Rajah 1

Pemalihan spektral yang terhasil daripada pigmen daun, struktur sel dan kandungan air pada panjang gelombang tertentu.



Rajah 2

Taburan lokasi pensampelan ditindankan ke atas imej satelit SPOT 5 bagi Stesen Penyelidikan MPOB, Teluk Intan, Perak.

Kriteria Kelas Serangan

Nilai Kerosakan Daun	Kelas	Kriteria
0	Tiada	Tiada kerosakan akibat ulat bungkus.
1	Rendah	Terdapat larva dan kepompong pada daun dalam kuantiti yang kecil.
2	Sederhana	Terdapat larva dan kepompong pada daun dalam kuantiti yang sederhana menyumbang kepada banyak lubang pada daun dan sedikit nekrosis berlaku.
3	Serius	Banyak larva dan kepompong pada hampir semua bahagian daun. Terdapat banyak lubang dan nekrosis berlaku. Daun berwarna coklat dan kering.



Alat spektrometer GER 1500.

pemalihan spektral daun di kawasan kajian. Jalur spektrum berkenaan meliputi jalur ultraungu (UV), jalur sinar tampak (biru, hijau dan merah) dan infra merah dekat (NIR) yang berada pada bacaan jarak gelombang dari 350nm sehingga 1050 nm.

Belauan daripada susunan diod silikon yang melalui kabel gentian optik piawai pada 4? mengaktifkan pancaran laser yang menjadi sumber tenaga untuk menyulahi daun sawit. Daun-daun sawit disusun di dalam beberapa lapisan bersaiz 10 cm x 10 cm bagi mendapatkan pemalihan spektral menyerupai pemalihan dari kanopi pokok sawit. Setiap pengukuran pemalihan dinisbahkan kepada panel piawai putih yang telah disalut dengan BaSO4 yang turut diukur dan diterangi di bawah keadaan yang sama. Bagi setiap lokasi sampel, lima pengukuran pemalihan dijalankan dan diambil purata bacaannya.

Rajah 4 menunjukkan ciri-ciri pemalihan spektral bagi setiap tahap kerosakan daun yang berbeza iaitu kelas kerosakan daun yang rendah, sederhana dan serius.


Pengesanan Jalur Gelombang Sensitif

Pemalihan spektral daun daripada 512 jalur gelombang spektrometer tersebut telah dianalisis menggunakan teknik regresi sebahagian kuasa dua terkecil (PLS). Beberapa kajian terdahulu menunjukkan teknik regresi PLS (Wold, 1995; Wold et al., 1998) adalah satu kaedah statistik yang berupaya mengesan isyarat daripada sejumlah set data yang dianalisis (Frank dan Friedman, 1993; Ourcival et al., 1999; Kooistra et al., 2003; Wilson et al., 2004; Delalieux et al., 2007).

Hasil daripada analisis statistik PLS mendapati, jalur gelombang yang berada pada nilai 570 nm, 680 nm, 734 nm, 787 nm, 996 nm dan 1047 nm telah dikenal pasti sebagai jarak gelombang yang paling sensitif kepada serangan ulat bungkus bagi kedua-dua jenis tanaman sawit muda dan matang (Rajah 5 dan 6, masing-masing).

Jadual 1 dan 2 menunjukkan pemalihan spektral untuk setiap kelas serangan pada jarak gelombang yang sensitif bagi tanaman sawit muda dan matang, masing-masing.

Analisis regresi linear di antara pemalihan spektral daun di dalam setiap kelas serangan menghasilkan nilai r iaitu (0.648= r =-0.985 dan 0.606= r =-0.948) bagi kedua-dua jenis tanaman sawit muda dan matang, masing-masing (Rajah 7). Berdasarkan kepada nilai P, pemalihan spektral tersebut berupaya untuk membezakan kelas serangan kedua dan ketiga




Rajah 4

Ciri-ciri pemalihan spektral berdasarkan kelas kerosakan daun.

Statistik Deskriptif	Kelas Kerosakan Daun		
	Rendah	Sederhana	Serius
Bilangan persampelan	512	512	512
Minimum	8.9	5.4	6.9
Maksimum	62.7	53.0	41.1
Purata	34.1	27.1	21.7
Sisihan Piawai	23.6	18.7	11.0
Varian	557.0	351.4	121.0
Pekali variasi (%)	69.3	69.2	50.6

Statistik Deskriptif bagi pemalihan spektral untuk setiap tahap kerosakan daun.




Rajah 5. Perbezaan kerosakan daun (sawit muda) manakala, Rajah 6 (kanan) Perbezaan kerosakan daun (sawit matang).

secara signifikan. Namun demikian, pemalihan spektral tidak boleh membezakan ciri-ciri kerosakan fizikal daun bagi kelas serangan pertama.

Bagaimanapun, keputusan ini mencadangkan bahawa jalur gelombang

yang sensitif yang dikenal pasti daripada pengukuran lapangan menggunakan penderiaan jauh boleh digunakan sebagai satu kaedah ramalan untuk memantau dan menentukan kerosakan daun akibat serangan ulat



Rajah 7. Hubungan di antara pemalihan spektral daun di dalam setiap kelas serangan bagi tanaman sawit muda dan matang.

bungkus tanpa merosakkan sampel daun tersebut.

Hasil kajian menunjukkan bahawa teknik pengukuran pemalihan spektral daun menggunakan alat spektrometer adalah kaedah penderiaan jauh yang mampu mengesan dan membezakan kelas serangan ulat bungkus yang berlaku di ladang sawit. Ia adalah asas yang realistik bagi merealisasikan aplikasi penderiaan jauh untuk mengesan serangan perosak pada skala yang lebih besar.

Kajian ini penting untuk melaksanakan teori penderiaan jauh terhadap stres tumbuhan bagi kajian-kajian seterusnya menggunakan sensor yang dipasang pada alat pengukuran lapangan atau di kapal terbang mahupun satelit.

Penderiaan jauh juga teknologi yang efektif dari segi kos di mana ia mampu untuk memaparkan corak serangan pada pelbagai skala yang dikehendaki. Selain itu, kaedah pengukuran spektrometer di lapangan dan penggunaan imej satelit berupaya membantu melengkapkan kaedah pengumpulan data sedia ada. Ia juga boleh digunakan sebagai kaedah penilaian visual yang tidak merosakkan tumbuhan.

Teknologi ini juga berupaya menjadi kaedah pilihan yang berkesan kepada pengurus ladang dalam mengesan dan memantau kerosakan pokok sawit akibat serangan ulat bungkus di ladang mereka.

Pengesanan awal serangan ulat bungkus elemen penting dalam mengurangkan kerugian

Oleh Nordiana Abd Aziz
nordiana@mpob.gov.my

Ulat bungkus (Lepidoptera: Psychidae) adalah beluncas pemakan daun dan mempunyai beg yang dibina daripada kepingan bahan tumbuhan kering seperti daun dan ranting kecil (Barlow, 1982). Serangan ulat bungkus biasanya memberi kesan ke atas pengeluaran hasil sawit. Menurut Wood et al. (1973), 43 peratus daripada penurunan hasil dalam tempoh dua tahun akan datang disebabkan oleh 50 peratus kerosakan ke atas kanopi tanaman sawit. Oleh itu, pengesanan awal serangan ulat bungkus menjadi elemen penting dalam mengurangkan kerugian.

Penderiaan jauh menyediakan penyelesaian bagi pensampelan intensif yang diperlukan untuk pengurusan perosak bersepadu di ladang. Secara teorinya, penderiaan jauh adalah kaedah mendapatkan maklumat menggunakan alat atau peranti tertentu tanpa hubungan fizikal dengan objek atau kawasan kajian untuk tujuan tafsiran dan analisis lanjutan (Lillesand dan Kiefer, 2000).

Terdapat beberapa resolusi spektral yang berbeza yang diguna pakai di dalam sistem penderiaan jauh. Ia bergantung kepada alat atau peranti digunakan untuk mencerap maklumat dan seterusnya menghasilkan imej. Imej multispektral yang terhasil da-

Jadual 1 Pemalihan Spektral Daun bagi sawit muda, manakala Jadual 2 (kanan) Pemalihan Spektral daun bagi sawit matang.

Kelas serangan	Jalur gelombang sensitif (nm)						Analisis statistik				
	570	680	734	787	996	1047	Purata	Sisihan piawai	Varian	r ²	P < 0.05
1	11.9	9.8	43.1	61.5	58.6	58.6	40.6	23.9	573.0	0.648	0.05
2	10.4	9.3	32.5	42.0	50.6	52.4	32.9	19.2	368.1	0.821	0.01
3	12.5	16.9	22.2	25.9	38.0	38.1	25.6	10.7	113.8	0.985	0.00008

Kelas serangan	Jalur gelombang sensitif (nm)						Analisis statistik				
	570	680	734	787	996	1047	Purata	Sisihan piawai	Varian	r ²	P < 0.05
1	12.2	10.0	43.4	58.1	57.2	52.2	38.8	22.1	489.8	0.606	0.07
2	6.9	6.0	26.5	34.9	39.7	38.6	25.4	15.4	237.2	0.760	0.02
3	7.7	10.8	18.4	22.5	30.8	31.1	20.2	9.8	96.8	0.948	0.001

Rhyno permudah kerja di ladang sawit

» MPOB hasil jentera kompak beroda dengan kerjasama MIZOU Holdings

Oleh Mohd Solah Deraman
solah@mpob.gov.my

Penjenteraan adalah elemen penting dalam meningkatkan produktiviti. Apabila disebut penjenteraan, ia membabitkan penggunaan jentera atau alat bermesin yang memudahkan sesuatu aktiviti atau kerja dilaksanakan.

Dalam sektor perladangan, penggunaan jentera bagi tujuan pengeluaran hasil adalah satu keperluan. Penggunaan jentera ini dapat mengurangkan beban kerja dan mengingkatkan kadar pengeluaran setiap pekerja.

Dalam proses melengkapkan jentera moden untuk sektor perladangan, tidak memadai dengan hanya membeli jentera dirasakan sekadar dapat membuat kerja di ladang saja.

Penggunaan jentera perlu digunakan sepenuhnya dengan kepelbagaian penggunaannya. Dalam hubungan ini, perkara yang paling penting adalah mengenalpasti jenis jentera paling sesuai dan berkemampuan untuk digunakan bagi operasi yang 'pelbagai' di atas keadaan permukaan tanah yang berbeza tanpa perlu membuat pengubahsuaian.

Dengan kepastian ini, kaedah sesuai boleh dicari untuk memastikan jentera berkenaan dapat digunakan sepenuh masa bagi mendapatkan pulangan modal yang sepatutnya.

Penggunaan jentera tidak menjadi masalah di ladang besar. Memang tidak dapat dinafikan bahawa memiliki jentera adalah ekonomikal kepada ladang yang lebih luas (lebih 100 hektar), tetapi ini tidak bermakna jentera tidak boleh digunakan pekebun kecil yang tidak mempunyai keluasan yang ekonomik.

Apa yang penting adalah minat menyelesaikan masalah dan ia boleh dilakukan secara berkelompok atau bekerjasama antara pekebun kecil.

Kebanyakan jentera yang ada di pasaran sekarang adalah jentera yang sesuai untuk kawasan rata dan sedikit beralun seperti traktor. Tiada jentera yang dibuat khusus untuk kawasan bermasalah seperti tanah gambut, becak, berair dan kawasan berbukit yang mana aktiviti dijalankan pada kawasan ini adalah hampir 100 peratus dilakukan secara manual atau dengan menggunakan alat pengangkut konvensional seperti kereta sorong.



Penggunaan Rhyno pada kawasan becak.

“MPOB sangat berbangga dengan penghasilan Rhyno kerana ia memberi pakej lengkap dalam membantu menyelesaikan masalah pengangkutan di ladang”

Menyedari hakikat ini, Pusat Mekanisasi Ladang MPOB mengambil langkah proaktif mengkaji dan menghasilkan jentera sesuai untuk kawasan berkenaan. Penghasilan jentera ini bukan sebagai persaingan kepada jentera yang ada di pasaran. Ia adalah sebagai pilihan kepada pengguna untuk menggunakan jentera yang betul dan sesuai untuk sesuatu kawasan.

Penghasilan jentera pengangkut pelbagai guna kompak yang dikenali dengan nama Rhyno dilakukan dengan kerjasama syarikat pembekal jentera tempatan iaitu MIZOU Holdings Sdn Bhd.

Penghasilannya berdasarkan kejayaan dalam menghasilkan jentera pelbagai guna kompak bertrek yang dikenali dengan nama BELUGA untuk kawasan tanah gambut yang sebelum ini kerja-kerja dilakukan secara manual atau menggunakan kereta sorong. BELUGA dan Rhyno menggunakan kepakaran dan teknologi Korea Selatan.

Kejayaan penghasilan BELUGA, jentera untuk tanah gambut mendapat maklum balas baik daripada pihak ladang (pengguna) menyebabkan penghasilan jentera Rhyno yang difokuskan kepada kawasan tanah berbukit dan beralun.

Daripada kerjasama ini, kajian reka bentuk dan spesifikasi dilakukan mengikut kesesuaian



Rhyno direkabentuk dengan 'high pivot tipping' dengan ketinggian 4 kaki dan amat sesuai digunakan untuk mini bin bagi mengurangkan kerja.



Antara jentera yang kebiasaan digunakan di ladang-ladang sawit.

penggunaan. Ini secara langsung menghasilkan jentera yang betul-betul sesuai untuk sesuatu keadaan permukaan tanah dengan aktiviti hendak dilakukan sama ada mengangkut, membaja atau meracun.

Dengan itu, penggunaannya adalah optimum dan tiada pembaziran. Dengan terhasilnya Rhyno selepas penghasilan BELUGA, keperluan jentera untuk se-

mua keadaan permukaan tanah tidak mempunyai masalah lagi. Kini bergantung kepada pengguna sama ada ingin menggunakan teknologi yang dihasilkan atau sebaliknya.

Rhyno adalah jentera kompak beroda bertekanan rendah berukuran 1.5 meter lebar dan 3.5 meter panjang; reka bentuk yang teguh dengan pengagihan berat jentera yang efisien bagi mem-

beri tekanan pada permukaan tanah yang paling rendah.

Nama Rhyno diambil daripada nama saintifik badak sumbu yang melambangkan kekuatan, keteguhan dan kemampuan bergerak di kawasan sempit dan sukar.

Rhyno dijana dengan enjin 2-lejang dengan sistem penyejukan udara jenis Kohler berkuasa 19 kuasa kuda (hp) dengan 3600 rpm yang memberikan kuasa optimum bagi pengoperasian pada kawasan berbukit teres, beralun, becak dan berair.

Rhyno juga dilengkapi sistem hidraulik bagi kawalan stering berkuasa dan juga kawalan pada sistem jongkitan pemungkah. Sistem hidraulik digunakan adalah yang terbaik dengan pam hidraulik adalah daripada jenis Rexroth dari Amerika syarikat yang merupakan pembekal pam hidraulik terulung di dunia.

Motor hidraulik diperoleh dari MS Hidraulik dari Bulgaria, pembekal motor hidraulik terkenal di dunia. Keseluruhan hos hidraulik pada jentera Rhyno adalah daripada Alfagomma buatan Itali. Ini menunjukkan komponen pada jentera ini bermutu tinggi dan dijamin ketahanannya.

Bagi mengelakkan kerja berulang (double handling), reka bentuk bin Rhyno adalah high pivot iaitu boleh memunggah buah tandan segar terus ke dalam bin yang diletakkan di tepi jalan utama sebelum dibawa ke kilang. Ini akan menjimatkan masa dan mengurangkan biji relai serta kerosakan buah tandan segar yang dikutip.

Bagi mempelbagaikan penggunaannya, Rhyno dilengkapi PTO (Power Take Off) yang kadar pusingannya sama dengan yang ada pada traktor yang mana boleh dipasang dengan peralatan membaja (spreader) dan meracun (sprayer). Sehubungan itu, Rhyno adalah jentera pelbagai guna dan merupakan jentera yang dibuat mengikut spesifikasi dan penggunaan yang dikehendaki.

Rhyno dilancarkan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Tan Sri Bernard Dompok pada 23 Oktober 2012 sewaktu seminar PalmMech dan kini Rhyno boleh ditempah.

MPOB sangat berbangga dengan penghasilan Rhyno kerana ia memberi pakej lengkap dalam membantu menyelesaikan masalah pengangkutan di ladang.

Bagi mereka yang berminat mendapatkan maklumat lanjut boleh berhubung dengan Mohd Solah Deraman selaku ketua projek pembangunan kedua-dua jentera ini atau boleh berhubung dengan MIZOU Holdings Sdn Bhd yang mengkomersialkan jentera ini bagi pihak MPOB.

Jentera ini turut dipamerkan sempena MAHA 2012 di MAEPS Serdang, Selangor pada 23 November hingga 2 Disember 2012.

Minyak sawit mampan untuk Perancis

» Inovasi pertanian pastikan produk bebas dari penebangan hutan

Pengguna di Perancis perlu sedar bahawa minyak sawit yang terkandung di dalam sebahagian besar produk makanan di pasar raya mereka adalah bebas dari penebangan hutan. Ini berikutan kesemua pekebun sawit di Malaysia mendaftar dan diberikan lesen operasi oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) yang mengesahkan bahawa penanaman sawit mereka dilakukan di atas tanah pertanian yang sah.

Melalui polisi dan undang-undang penggunaan tanah yang berkesan, Malaysia masih berupaya me-

ngekalkan 56 peratus keluasan tanahnya sebagai hutan simpan kekal manakala 24 peratus lagi digunakan sebagai kawasan pertanian di mana sawit adalah tanaman utama.

Untuk perbandingan, keluasan hutan di Perancis merangkumi 28.5 peratus daripada keseluruhan tanahnya manakala 53.7 peratus lagi adalah kawasan pertanian. Dasar kerajaan yang memberi keseimbangan di antara pemuliharaan hutan dan kemajuan sektor pertanian memastikan pengeluaran minyak sawit Malaysia boleh dianggap bebas dari penebangan hutan.

Beberapa Menteri Perancis yang mengeluarkan kenyataan negatif mengenai minyak sawit baru-baru ini mungkin tidak sedar bahawa Malaysia mempunyai keluasan hutan kekal yang jauh lebih besar (206,000 km persegi) berbanding Perancis (156,000 km persegi) walaupun Perancis adalah hampir dua kali ganda be-



sar daripada Malaysia.

Kenyataan negatif menteri ini disalah tafsirkan sehingga menggalakkan kemunculan label 'bebas minyak sawit' pada produk makanan terpilih di negara berkenaan. Kenyataan seperti itu yang tidak berpandukan kepada fakta tidak mencerminkan hubungan baik yang lama dipupuk antara kedua-dua negara.

Statistik Pertubuhan Pemakanan Dunia (FAO) menunjukkan bahawa Perancis menerokai hutan sehingga 71.5 peratus keluasan tanahnya berbanding 44 peratus oleh Malaysia. Bagaimana tana-

man sawit boleh dilabelkan sebagai penyebab kemusnahan hutan di Malaysia?

Tanaman sawit di Malaysia hanya merangkumi 5 juta hektar atau 15 peratus keluasan tanah dan ia menghasilkan kira-kira 20 juta tan minyak sawit. Hasil pengeluaran ini menyumbang kepada kira-kira 30 peratus jumlah perdagangan minyak sayuran dan lemak dunia.

Ladang tanaman biji sawi di Perancis yang merangkumi 1 juta hektar atau 1/5 kawasan penanaman sawit di Malaysia hanya mampu menghasilkan kira-kira 1 juta tan minyak biji sawi atau 1/20 daripada jumlah pengeluaran minyak sawit Malaysia. Jumlah pengeluaran tempatan yang kecil ini tidak mampu menampung keperluan makanan penduduk di Perancis.

Walaupun penebangan hutan secara besar-besaran akan terus berlaku di Perancis untuk memberi laluan kepada tanaman minyak sayuran, ladang anggur yang baru serta aktiviti pertanian lain, produk pertanian Perancis ini dilihat terkecuali daripada pelabelan negatif yang dilakukan pengeluar makanan di Perancis.

Wujud diskriminasi

Sebaliknya, minyak sawit Malaysia yang bebas dari penebangan hutan serta membantu memenuhi kekurangan bekalan minyak sayur-sayuran di Perancis dan Kesatuan Eropah didiskriminasi melalui pelabelan 'bebas minyak sawit'.

Tindakan ini adalah jelas tidak adil kepada pekebun sawit di Malaysia yang juga bercita-cita mendapatkan kehidupan lebih baik, seperti petani di Perancis, melalui hasil tanaman mereka.

Petani sawit ini sepatutnya diberikan pengiktirafan di atas sumbangan mereka membekalkan minyak sayuran (minyak sawit) yang murah kepada bilion pengguna di seluruh dunia yang tanpa minyak sawit, akan mengalami kekurangan zat makanan berikutan kekurangan bekalan minyak sayuran tempatan.

Label 'bebas minyak sawit' ini dilihat sebagai satu nasihat pemakanan terhadap minyak sawit. Pengeluar makanan di Perancis yang menggunakan label

ini menafikan bahawa ia bertujuan mencerminkan status pemakanan produk mereka. Dalam kata yang lain, label 'bebas minyak sawit' bertujuan menipu pengguna supaya menganggap produk makanan yang menggunakan label ini adalah lebih berkhasiat.

Cabar di mahkamah

Pengeluar makanan ini akan dicabar di mahkamah dalam masa terdekat untuk menjelaskan tindakan mereka yang dilihat bersekongkol dengan NGO alam sekitar. Pengeluar makanan ini mengakui bahawa label ini bukan bertujuan memberi maklumat tentang pemakanan.

Jika label ini terbukti menggunakan isu alam sekitar untuk menyelar minyak sawit, maka kesemua produk pertanian dari Perancis mesti dilabelkan sebagai 'tidak mesra alam sekitar' kerana Perancis mempunyai rekod buruk dalam pemuliharaan hutan.

Walaupun keluasan Perancis hampir dua kali ganda Malaysia, ia mempunyai jumlah keluasan hutan yang jauh lebih rendah berbanding Malaysia. Walaupun setiap negara berhak menentukan peratusan pengagihan tanah untuk tujuan pertanian, Malaysia jauh lebih baik berbanding Perancis dari segi peratusan pengagihan tanah untuk pemuliharaan hutan atau kecekapan penggunaan tanah untuk menghasilkan minyak sayur-sayuran.

Oleh yang demikian, Jawatankuasa Kerja Minyak Sawit di antara Malaysia dan Perancis yang dica-

« Sebaliknya, minyak sawit Malaysia yang bebas dari penebangan hutan serta membantu memenuhi kekurangan bekalan minyak sayur-sayuran di Perancis dan Kesatuan Eropah didiskriminasi melalui pelabelan 'bebas minyak sawit' »

dangkan Menteri Pertanian Perancis baru-baru ini perlu bertindak segera mencari jalan penyelesaian terbaik menangani isu pelabelan minyak sawit yang menyalahi undang-undang ini.

Walaupun beberapa menteri Perancis terbabit dalam isu ini, Kerajaan Perancis perlu bertanggungjawab membantu menyelesaikan isu ini dengan menguatkuasakan undang-undang yang melarang pelabelan negatif terhadap sesuatu produk pertanian (seperti minyak sawit) seperti dilakukan Amerika Syarikat kira-kira 20 tahun lalu.

Sukar kekal produk

Tanpa campur tangan dan tindakan segera Kerajaan, pengeluar makanan di Perancis akan mengalami kesukaran mengekalkan pasaran produk mereka, sama ada mereka menggunakan minyak sawit atau tidak. Memperkenalkan pelabelan baru akan meningkatkan kos, mengurangkan keuntungan syarikat serta menjejaskan pendapatan Kerajaan melalui pengurangan hasil kutipan cukai korporat.

Kesatuan Eropah juga tidak sepatutnya menyekat perdagangan bebas antarabangsa kerana tindakan ini akan memberi kesan negatif terhadap perkembangan ekonomi mereka sendiri. Perancis, antara peneraju utama ekonomi Kesatuan Eropah mesti menetapkan aliran yang boleh ditonjolkan negara Eropah lain dengan mengambil tindakan bersesuaian ke atas pengeluar makanan dan pasar raya mereka supaya mematuhi undang-undang pelabelan negara.

Langkah ini bukan saja menjamin perkembangan perdagangan antarabangsa malah juga perkembangan ekonomi dunia.

Walaupun minyak sawit dijamin bebas dari penebangan hutan, pengeluar makanan di Perancis boleh menggunakan minyak sawit yang mesra alam ini dengan membeli minyak sawit mampan yang diperakui terutama dari Malaysia.

Artikel ini disunting dan diterjemahkan daripada artikel asal bertajuk, Deforestation-free Palm Oil for France. Layari www.ceo-palmoil.com untuk mendapatkan salinan asal artikel ini.

KEISTIMEWAAN SAWIT

Tanaman sawit memberi pelbagai kebaikan yang tidak ternilai. Kepada alam sekitar. Kepada kesihatan. Kepada kehidupan. Kepada ekonomi.

Pokoknya mengeluarkan oksigen untuk hidupan dan membendung pemanasan global. Buahnya memberi vitamin dan tenaga. Industri sawit Malaysia turut menyumbang kepada kehidupan jutaan penduduk di seluruh dunia, di samping menjana ekonomi negara dan juga dunia.

Ia adalah lebih dari sekadar minyak sayuran. Ianya merupakan anugerah alam semulajadi untuk kehidupan.

Minyak Sawit Malaysia.
Khasiat sejati. Inovasi dan semulajadi.

MPOB
www.mpo.org.my

Ladang sawit kurang 26,167 pekerja 2012

» Kekurangan terutama bagi kategori penuai, pengutip buah sawit

Oleh Che Johari Mamat
mjohari@mpob.gov.my

Kota Kinabalu

Sektor perladangan sawit mengalami kekurangan 26,167 pekerja sehingga September 2012, kata Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Datin Paduka Nurmalia Abdul Rahim.

Kekurangan itu berlaku terutama bagi kategori penuai dan pengutip buah sawit berjumlah 12,245 atau 46.7 peratus; pekerja meracun, membaja dan pruning 9,915 (37.8 peratus); pemandu, pengawal keselamatan dan pekerja am 2,429 (9.28 peratus) dan mandor seramai 1,578 atau 6 peratus.

Datin Paduka Nurmalia berkata demikian sewaktu membentangkan kertas kerja bertajuk "Issues and Challenges on Labour in Plantation Industry: A Malaysian Perspective" sempena International Plantation Industry Conference and Exhibition (IPiCEX) 2012, di sini, baru ini.

Beliau berkata, jumlah berkenaan diperoleh hasil kajian ke atas 4.01 juta hektar ladang atau 92.31 peratus responden dari sejumlah 4.35 juta hektar ladang yang dilakukan kajian.

"Sekiranya kekurangan pekerja itu diambil kira dengan keluasan hektar yang dimiliki pekebun kecil, beliau menganggarkan jumlah kekurangan pekerja adalah lebih tinggi, iaitu dalam lingkungan 30,000 pekerja," katanya.

Datin Paduka Nurmalia berkata, walaupun sektor perladangan komoditi mempunyai jumlah peluang pekerjaan yang besar

terutama di ladang sawit dan getah, namun bidang pekerjaan di ladang kurang menarik minat pekerja tempatan.

"Mereka menganggap bekerja di ladang adalah pekerjaan yang kotor, sukar dan merbahaya. Selain itu lokasi ladang adalah di kawasan pedalaman dengan kemudahan asas seperti air bersih, elektrik dan klinik perubatan yang tidak mencukupi," katanya.

Taraf kelulusan akademik pekerja tempatan juga tidak sepadan dengan jawatan yang ditawarkan sektor perladangan yang lebih memerlukan pekerja am seperti penuai dan pengutip buah sawit serta kerja penyelenggaraan ladang seperti meracun dan membaja.

"Sektor perladangan pula kurang menawarkan peluang jawatan teknikal berkemahiran tinggi dan separa mahir kerana masih belum bersedia untuk menggunakan mekanisasi ladang secara menyeluruh," katanya.

FAKTA NOMBOR

12,245
pekerja

kurang bagi kategori penuai dan pengutip buah sawit

9,915
pekerja

kurang bagi kategori meracun, membaja dan pruning

2,429
pekerja

kurang bagi kategori pemandu, pengawal keselamatan dan pekerja am



Tan Sri Bernard Dompok semasa lawatan pameran MPOB sempena IPiCEX 2012 di Kota Kinabalu. Turut kelihatan Ketua Setiausaha MPIC, Datin Paduka Nurmalia Abdul Rahim (dua dari kanan) dan Ketua Pegawai Eksekutif IMPAC, Dr Chan Kook Weng (dua dari kiri).

Beliau berkata, negara maju seperti Amerika Syarikat tidak menggunakan tenaga pekerja asing malah menggunakan tenaga kerja tempatan dan menggunakan mekanisasi secara menyeluruh.

"Contohnya di Iowa, penuaian kacang soya dilakukan sepenuhnya dengan menggunakan mekanisasi yang kondusif kepada operator dengan jentera penuai berkenaan dilengkapi pendingin hawa," katanya.

Sehingga September 2012, sejumlah 331,629 pekerja asing berkerja di sektor perladangan komoditi dan dari jumlah itu, ladang sawit mempunyai jumlah pekerja asing tertinggi iaitu 299,560 pekerja diikuti ladang getah berjumlah 31,790 pekerja.

Datin Paduka Nurmalia berkata, MPIC melalui agensinya akan terus meningkatkan usaha dan menggalakkan penggunaan mekanisasi bagi kerja ladang dan pada masa sama meneruskan penyelidikan bagi membangunkan teknologi baru kejenteraan yang bersesuaian untuk digunakan di ladang.

Beliau juga menggesa pihak industri supaya turut membuat pelaburan dengan meningkatkan penggunaan jentera di ladang dan mendedahkan pekerja dengan teknologi moden untuk menangani masalah kekurangan pekerja dan pada masa sama berupaya meningkatkan produktiviti.

MPIC menubuhkan Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC) bagi melatih belia dan pekerja tempatan dan menghasilkan pekerja berkemahiran tinggi.

Transfer of Technology Seminar 2012

Monday, 3 December 2012
Kinta Riverfront Hotel, Ipoh, Perak

It Offers

- Introduction to MPOB's technologies for commercialisation specially for SME
- Exhibition of technologies and interaction with inventors

Who Should Attend

It caters for those involved in oil palm, palm oil and other oils and fats businesses including manufacturers, corporate entrepreneurs, small and medium scale entrepreneurs, agriculturists, planters, scientists, millers, traders, food technologists, etc.

Why You Should Participate

It provides opportunities for the public in general and small and medium entrepreneurs to:

- commercialize MPOB's technologies that will improve the oil palm industry/palm oil industry
- adopt research findings and services
- network and develop partnerships for R&D collaboration and commercialization

Event Highlights

Transfer of Technologies and services will be through:

- Oral presentations
- Exhibition
- Interaction with inventors

Participation Fee

RM250 (Seminar and Exhibition packages are inclusive of seminar materials, lunch, refreshments and dinner)

To:

Perak Academy
28, Jalan Sultan Azlan Shah
30350 Ipoh, Perak
Tel : 05-5478949/016-5518172
Fax : 05-5496675
Email: contact@perakacademy.com

Please register:

Name: _____
Designation: _____
MyKad No. : _____
Organization/Company: _____
Postal Address: _____
Postcode: _____ State: _____
Tel: _____ Faxes: _____
Email: _____
Signature: _____ Date: _____

This form may be photocopied



Koperasi pekebun kecil sawit meningkatkan pendapatan

Koperasi adalah satu daripada penggerak ekonomi sesebuah organisasi atau pertubuhan. Kewujudan koperasi bermula tahun 1920-an dan kini berkembang pesat dalam merealisasikan objektif utamanya bagi meningkatkan kualiti hidup ahlinya. Ia merangkumi pelbagai sektor sama ada perbankan, perladangan, pertanian, pendidikan, pengangkutan dan sebagainya.

Dalam sektor perladangan kelapa sawit khususnya muncul Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM). Melalui Transformasi Ekonomi (ETP) dan Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA), Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) telah ditubuhkan untuk memainkan peranannya meningkatkan pendapatan sawit menjelang 2020 kepada RM178 bilion. Justeru itulah, kewujudan koperasi ini tidak dinafikan peranannya dalam meningkatkan pendapatan pekebun kecil sawit.

Bermula dengan penubuhan Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) yang pertama di Tongod, Sabah, kini terdapat 22 buah Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) di seluruh negara meliputi lapan buah negeri iaitu Sabah, Sarawak, Pahang, Johor, Perak, Melaka, Selangor dan Terengganu. Penubuhan Koperasi ini adalah program di bawah Sustainable Palm Oil Cluster (SPOC) yang dikendalikan MPOB. Objektif utamanya iaitu menjana penghasilan sawit secara mampan bagi memenuhi keperluan semasa dan memastikan pengeluaran sawit semakin meningkat maju pada masa yang akan datang.

Kekuatan sesebuah koperasi terletak pada keahlian yang ramai serta cetusan idea yang boleh menjana pendapatan yang tinggi dan berdaya saing. Melalui Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) pekebun kecil sawit dapat menyuarakan permasalahan mereka pada landasan yang tepat. Ini kerana koperasi berupaya menyelesaikan masalah mereka de-

PEMENANG PERTAMA

**Che Wan Muhammad Azmi
Che Wan Ibrahim
(No. K/P: 960130-11-5331)
MRSM Pengkalan
Chepa, 16100 Kota Bharu,
Kelantan**

ngan mencari jalan penyelesaian terbaik. Walaupun masalah di kalangan pekebun kecil sawit dianggap kecil, namun bagi mereka itu adalah penghalang yang boleh menyekat kelancaran dalam bidang perladangan sawit. Melalui koperasi, pekebun kecil sawit boleh mendapatkan khidmat nasihat yang sentiasa disalurkan dalam perjumpaan yang dianjurkan oleh Koperasi. Dengan ini pihak Koperasi dapat memastikan pekebun kecil sawit mempraktikkan amalan pertanian baik dan berkesan sekali gus meningkatkan produktiviti sawit.

Di samping itu juga, peranan Koperasi dalam meningkatkan pendapatan pekebun kecil sawit dapat dilihat melalui kaedah pemasaran buah tandan segar (BTS) yang lebih efektif dan menguntungkan pekebun kecil. Kaedah pemasaran BTS oleh KPSM dilakukan secara berkelompok. Melalui kaedah pemasaran berkelompok, pekebun kecil boleh mendapat pulangan yang lebih tinggi. Ini kerana dalam proses perundingan harga, ia tidak melibatkan orang tengah yang lazimnya mengaut keuntungan yang lebih tinggi apabila dipasarkan kepada pihak kilang. Justeru itu melalui peranan koperasi ini, pekebun kecil sawit dapat menikmati hasil yang lebih tinggi, dan pada masa yang sama pihak kilang juga menaruh kepercayaan yang tinggi kerana pembelian kelapa sawit melalui koperasi lebih terjamin kualitasnya.

Penghasilan sawit yang berkualiti merupakan matlamat utama pekebun sawit. Dalam usaha memastikan kualiti sawit, koperasi telah mengap-

likasikan dua kaedah pengumpulan buah daripada ahli koperasi iaitu melalui sistem jaring dan sistem bin. Sejalan dengan kepesatan teknologi maklumat, internet juga menjadi medium utama dalam pengumpulan sawit. Bagi pekebun yang kedudukan mereka tidak setempat, mereka akan mendapat informasi tentang pengumpulan buah sawit melalui sistem jaring. Dengan cara ini, mereka akan bersedia untuk menuai hasil sawit untuk proses dijual kepada pihak kilang. Cara ini bukan sahaja menjimatkan masa malah kos penghantaran juga dapat diijimatkan kerana pengumpulan buah sawit dibuat serentak, manakala pembayarannya secara tunai atau online dalam masa selewat-lewatnya tiga hari selepas proses jual beli.

Sistem pengumpulan bin turut dipraktikkan oleh koperasi di kalangan ahlinya. Melalui sistem bin, pekebun kecil akan menghantar buah sawit ke lokasi bin ditempatkan. Setelah siap, proses timbangan dan rekod pengedaran buah sawit di buat, buah sawit akan dihantar ke kilang. Dengan cara ini, pekebun kecil dapat menjimatkan kos penghantaran dan seterusnya dapat menjana pendapatan mereka.

Koperasi sememangnya berperanan menjana pendapatan pekebun kecil. Perkhidmatan yang disediakan banyak menjimatkan kos kepada pekebun kecil. Contoh yang jelas ialah caj perkhidmatan bagi pengangkutan penghantaran buah sawit ke kilang, jauh lebih rendah ditawarkan pihak koperasi berbanding harga pasaran.

Selain itu koperasi turut menyediakan kemudahan membeli input pertanian seperti baja, racun, peralatan-peralatan lain dengan harga yang rendah. Kesemua manfaat ini diperolehi oleh semua ahli koperasi tanpa kompromi. Tawaran harga bagi input pertanian yang murah ini secara tidak langsung merangsang pendapatan mereka ke tahap yang lebih tinggi.

KUIZ SAWIT siri 24

Syarat penyertaan

- Penyertaan dibuka kepada pelajar Sekolah Rendah Tahun 1 - 6
- Penyertaan hendaklah disertakan dengan borang dan ditandatangani oleh guru sekolah;
- 10 pemenang yang menjawab dengan betul akan dipilih sebagai pemenang;
- Sekiranya terdapat lebih 10 pemenang, Cabutan Bertuah akan dibuat oleh panel kuiz.
- Keputusan pengadil adalah muktamad
- Jawapan hendaklah sampai selewat-lewatnya pada 21 Disember 2012
- Hantarkan jawapan berserta nama penuh, no. telefon, alamat rumah dan alamat sekolah yang lengkap kepada :

Ketua Pengarang Berita Sawit

Kuiz Sawit (Siri 24)
Ibu Pejabat MPOB
6, Persiaran Institusi,
Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor
(UP: Noor Asmawati Abdul Samad)

Soalan Kuiz Sawit Siri 24

1. Singkatan Bidang Ekonomi Utama Negara adalah
 BEUT NKEA NKA
2. Peranan utama MPOB adalah:
 Penyelidikan dan pembangunan teknologi sawit Penanaman sawit
 Perladangan sawit
3. WAZA adalah akronim kepada....
 Persatuan Zoo Sedunia Persatuan Akuarium Sedunia
 Persatuan Zoo dan Akuarium Dunia
4. Pegawai MPOB yang berperanan memberi khidmat nasihat penanam sawit kepada pekebun kecil dikenali sebagai...
 Pegawai TUNAS Pegawai NASIHAT
 Pegawai KHIDMAT NASIHAT
5. Di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara bagi sawit terdapat projek permulaan
 5 8 6
6. Haiwan berikut merupakan perosak tanaman sawit
 Ulat bungkus Burung hantu Kucing
7. Singkatan bagi Persidangan dan Pameran Industri Perladangan Antarabangsa 2012
 PPIPA IPICEX PDPIPA
8. Beluga dan Rhyno dihasilkan menggunakan teknologi negara ...
 Indonesia Kanada Korea Selatan
9. Syarikat yang bekerjasama dengan MPOB bagi menghasilkan Beluga dan Rhyno ialah Mizou Holdings
 Betul Salah
10. Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC) adalah di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
 Betul Salah

Borang Penyertaan Siri 24

Nama : _____
 Tahap : _____
 Alamat Sekolah: _____

 Alamat Rumah: _____

 No. Tel: _____

Nama pemenang Siri 23

- | | |
|--|---|
| <ul style="list-style-type: none"> 1. Muhammad Yusuf Hushaini
Sek. Keb. Seri Duyung, Duyung, Melaka 2. Aisyah Yusoffia Abu Samad
SK Selama, Jalan Menteri, Selama, Perak 3. Nurul Alma Syafiah Khalidz
Sek. Keb. Kanchong Darat, Banting, Kuala Langat, Selangor 4. Dayang Aisyah Nurhani Azanudin
Sek. Keb. Seri Duyung, Permatang, Duyung, Melaka 5. Muhammad Nazlan Sulaiman
Sek. Keb. Undang Rembau, Rembau, Negeri Sembilan | <ul style="list-style-type: none"> 6. Abd Samad Mohhtar
Sek. Keb. Ampang, Jalan Merbau Kg Melayu Ampang, Selangor 7. Nurul Farhalin Shah Rum Shah
Sek. Keb. Gali, Dong, Raub, Pahang 8. Mohd Nazim Hakim Zainudin
Sek. Keb. Seri Aman, Kg Baru, Seri Gading, Batu Pahat, Johor 9. Nur Aliah Abdullah
Sek. Keb. Korok Lama, Alor Setar, Kedah 10. Nur Athirah bt Alias
Sek. Keb. Convent, Teluk Intan, Perak |
|--|---|

Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Disember 2012

Peraduan ini terbuka kepada pelajar sekolah menengah di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa dan ditulis tangan berpandukan tajuk yang diberikan di bawah:

Tajuk: "Sektor perladangan sawit perlu tenaga kerja tempatan. Bincangkan".

Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit terbuka kepada semua pelajar sekolah menengah Tingkatan 1 hingga 5.

Tiga pemenang utama setiap bulan akan menerima;
 Hadiah Pertama : RM250
 Hadiah Kedua : RM200
 Hadiah Ketiga : RM150
 Esei yang berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan dalam Berita Sawit keluaran bulan Disember 2012 akan datang.

Syarat Penyertaan:

1. Terbuka kepada pelajar sekolah menengah tingkatan 1 hingga 5
2. Panjang esei antara 450 - 600 patah perkataan
3. Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah, rumah, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan sertakan sekeping gambar berukuran pasport (sekiranya ada)
4. Keputusan juri muktamad
5. Tarikh tutup penyertaan ialah pada 21 Disember 2012
6. Hantar penyertaan ke alamat:
Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit
Ibu Pejabat MPOB
6, Persiaran Institusi,
Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor
u/p: Noor Asmawati Abdul Samad (Unit Perhubungan Awam)

Keputusan Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Bulan November 2012

Hadiah Pertama
 Che Wan Muhammad Azmi Che Wan Ibrahim
 (No. K/P: 960130-11-5331)
 MRSM Pengkalan Chepa,
 16100 Kota Bharu, Kelantan

Hadiah Kedua
 Mohamad Asyraf Shah Rum Shah
 (No. K/P: 980529-06-5821)
 SMK Seri Raub,
 27600 Raub, Pahang

Hadiah Ketiga
 Nor Syafika bt Bachok
 (No. K/P: 981017-01-5980)
 SMK Mantin, 71700 Mantin,
 Negeri Sembilan



Tan Sri Bernard Dompok memukul gong bagi merasmikan Persidangan dan Pameran Industri Perladangan Antarabangsa 2012 (IPiCEX 2012) di Kota Kinabalu baru-baru ini. Turut kelihatan Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi (MPIC), Datin Paduka Nurmala Abdul Rahim.



Tan Sri Bernard Dompok menyampaikan kupon Skim Bantuan Tanam Semula Sawit kepada pekebun kecil sempena perasmian Majlis Pemimpin Bersama Pekebun Kecil Sawit di Kota Marudu, Sabah. Turut kelihatan dari kiri, Timbalan Ketua Setiausaha MPIC, Ahmad Sanuri Shahid; ADUN Matunggong, Sarapin Magana dan Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan) MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din (kanan).



Tan Sri Bernard Dompok meninjau jualan produk minyak sawit di dalam sebuah pasar raya di Yangon, Myanmar semasa lawatan kerja beliau ke negara itu, baru-baru ini. Turut kelihatan, Timbalan Ketua Pengarah (Pentadbiran) MPOB, Ahmad Sidek Stroo (kiri).



Tan Sri Shahrir Abdul Samad (dua dari kanan) bersama Datuk Dr Choo Yuen May (tiga dari kanan), Dr Ahmad Kushairi Din (kanan) dan Ahmad Sidek Stroo (kiri) semasa Majlis Perjumpaan Pengurusan dengan Kakitangan MPOB, baru-baru ini.



Tan Sri Shahrir Abdul Samad mempengerusikan perbincangan meja bulat mengenai pemuliharaan alam sekitar di Pusat Konvensyen Sime Darby di Kuala Lumpur baru-baru ini. Turut kelihatan Tun Musa Hitam (kiri) dan Datuk Dr Choo Yuen May.



Datuk Dr Choo Yuen May mempengerusikan forum MPOB bersama EMPA di Kota Kinabalu.



Datuk Dr Choo Yuen May menyampaikan ucapan utama semasa China International Oils and Oilseeds Conference (CIOC) di Guangzhou, baru-baru ini.



Datuk Dr Choo Yuen May (empat dari kiri) dan pegawai kanan MPOB semasa bermesyuarat dengan delegasi EPA sempena lawatan delegasi berkenaan ke MPOB, baru-baru ini.